

## **PENDIDIKAN SEBAGAI ALAT PROPAGANDA GERAKAN KOMUNIS DI SARAWAK, 1941 – 1976**

*Education as a Propaganda Tool of the Communist Movement in Sarawak, 1941 - 1976*

**Mohd Syafiq Zaini<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup> *syafiqzaini120398@gmail.com,*

*Dihantar:21 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023*

### **Abstrak**

Propaganda adalah satu elemen utama dan seringkali diguna pakai bagi penyebaran maklumat, idea, atau pendapat dengan niat untuk mempengaruhi seseorang atau sesebuah kumpulan. Dalam konteks kajian ini, pihak komunis di Sarawak juga turut menggunakan pendekatan ini untuk mempromosikan agenda politik, sosial atau ideologi mereka untuk memanipulasi fikiran umum. Maka dengan itu, kajian ini menganalisis peranan sistem pendidikan sebagai alat propaganda dalam menyokong dan menyebarkan ideologi gerakan komunis di Sarawak dari tahun 1941 hingga 1976. Fokus utama penulisan ini ialah melihat bagaimana fahaman ideologi komunis disebarluaskan melalui sistem pendidikan sedia ada pada ketika itu untuk menyebarkan ideologi komunis, merekrut ahli, dan menyatukan kuasa politik mereka dalam kalangan pelajar dan guru di Sarawak. Hasil kajian mendapati pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh komunis merangkumi penghasilan pelbagai bahan-bahan buku, penerbitan dan cetakan yang berunsur komunis diedarkan kepada pelajar. Kemudian, pelaksanaan aktiviti dalam dan luar kelas yang berunsurkan komunis. Akhir sekali, penentangan komunis terhadap polisi pendidikan kerajaan yang dilihat cuba menghapuskan budaya Cina. Artikel ini bersandarkan kepada

Mohd Syafiq Zaini

sumber-sumber dokumen-dokumen kerajaan negeri, akhbar dan sumber ilmiah seperti artikel dan buku yang berkaitan.

**Kata Kunci:** Propaganda, Ideologi Komunis, Pendidikan, Pelajar Sarawak

### **Abstract**

*Propaganda is one of the main elements and is often used for the dissemination of information, ideas or opinions with the aim of influencing a person or group. In the context of this study, communists in Sarawak also use this approach to promote their political, social or ideological agenda to manipulate public opinion. Therefore, this study analyzes the role of the education system as a propaganda tool in supporting and spreading the ideology of the communist movement in Sarawak from 1941 to 1976. The main focus of this paper is to see how the understanding of the communist ideology was spread through the education system that existed at that time to spread the communist ideology, recruit experts, and consolidate their political power in Sarawak. The results of the study found that various efforts have been carried out by the communists, including producing various books, publications and prints with communist elements distributed to students. Then, the implementation of activities inside and outside the classroom that have a communist element. Finally, communist opposition to the royal education police was seen as trying to eradicate Chinese culture. This article relies on government documents, newspapers and scientific sources such as related articles and books.*

**Keywords:** Propaganda, Communist Ideology, Students, Education, Sarawak

### **Pengenalan**

*Pendidikan Sebagai Alat Propaganda  
Gerakan Komunis di Sarawak, 1941 – 1976*

Menelusuri sejarah, Parti Komunis China (PKC) telah diasaskan pada 1 Julai 1921, di Shanghai semasa zaman pergolakan politik dan pergolakan sosial di China. Diilhamkan oleh ideologi Marxis, ahli awal parti itu, termasuk Chen Duxiu dan Li Dazhao, berusaha untuk menangani isu-isu negara yang berakar umbi seperti imperialisme, feudalisme dan ketidaksamaan (Britannica, 2023). Pada tahun-tahun awalnya, PKC mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Soviet, yang memberikan sokongan ideologi dan organisasi. Kemudian, dalam tahun 1920-an itu juga, fahaman komunis menerusi ahli PKC telah menyusup masuk bukan sahaja di Tanah Melayu malah turut di Sarawak. Sama seperti Tanah Melayu, Sarawak mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya, dan kehadiran jumlah masyarakat Cina yang besar memainkan peranan penting dalam kemunculan aktiviti komunis di wilayah tersebut. Pendatang Cina mula tiba di Sarawak pada abad ke-19, terutamanya mencari peluang ekonomi dalam perlombongan, pertanian, dan industri lain. Lama kelamaan, mereka membentuk sebahagian besar penduduk, menyumbang dengan ketara kepada pembangunan negeri. Masyarakat Cina di Sarawak mula menyaksikan kemunculan idea dan ideologi komunis, yang disebarluaskan kepada mereka. Sepanjang dekad berikutnya, kehadiran PKC di Sarawak mengalami pelbagai fasa, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti situasi geopolitik global, perkembangan politik tempatan, dan perjuangan untuk kemerdekaan daripada penjajahan. Pelbagai usaha juga telah dilakukan sama ada dari aspek politik, ekonomi maupun sosial bagi memperluaskan ideologi komunis di Sarawak. Dalam kajian ini akan memfokuskan penelitian terhadap propaganda gerakan komunis menerusi pendidikan di Sarawak dari tahun 1941 hingga tahun 1976.

### **Sejarah Kemasukan Ideologi Komunis di Sarawak**

Kewujudan ideologi komunis mula memasuki Sarawak pada tahun 1920-an, dipengaruhi oleh perubahan politik yang berlaku di

China. Sama seperti yang berlaku di Tanah Melayu, fahaman komunis telah dibawa masuk oleh Parti Komunis China (PKC) dari China. Di China, Kuomintang (KMT) telah menjalinkan pakatan bersama Parti Komunis China (PKC) membentuk Barisan Bersatu KMT-PKC (Ho Hui Ling, 2012:62). Jalinan pakatan tersebut secara tidak langsung telah memudahkan komunis dan KMT untuk bergerak bersama dalam mempengaruhi pendudukan di China mahupun di seberang laut. Pada masa yang sama PKC telah menggunakan peluang pakatan tersebut dalam menyebarkan ideologi mereka kepada orang ramai. Dalam konteks ini, penyebaran ideologi mereka disebarluaskan menerusi cawangan-cawangan Kuomintang (KMT) yang terdapat di Sarawak. Walau bagaimanapun, Barisan Bersatu KMT-PKC di China berpecah pada tahun 1927. Hal ini telah mengakibatkan para pengikut komunis yang terdapat di China terpaksa melarikan diri sehingga ke Sarawak kerana diburu oleh pihak KMT di China (Reduan, 1993:74).

Setibanya komunis bertapak di Sarawak, ideologi komunis disebarluaskan kepada penduduk setempat khususnya kepada orang Cina. Sama seperti Tanah Melayu populasi penduduk Sarawak turut terdiri daripada pelbagai kaum. Orang Dayak, Cina dan Melayu mewakili tiga kaum utama yang terdapat di Sarawak. Orang-orang Cina membentuk kumpulan etnik kedua yang terbesar di Sarawak. Sasaran utama tertumpu kepada orang-orang Cina kerana mereka masih mempunyai hubungan pertalian yang rapat dari aspek budaya, sosial dan politik yang erat dengan Tanah Besar China (Ballak, 2016:2). Bukan sahaja orang Cina di Sarawak, juga di Tanah Melayu dan orang-orang Cina seberang laut (Hua Ch'ao) di serata Asia Tenggara. Tambahan lagi orang Cina di Sarawak sentiasa memberikan perhatian kepada perkembangan yang berlaku di China. Maka secara tidak langsung perkembangan dan pergolakan politik yang berlaku di Tanah Besar China telah mempengaruhi orang-orang Cina. Oleh hal yang demikian, mudah bagi komunis untuk menyusup fahaman mereka, menyemai benih-benih awal komunisme ke dalam fikiran orang Cina di Sarawak. Walau bagaimanapun, pada peringkat awalnya, penyebaran komunis di Sarawak bersifat tertutup secara

bawah tanah (Underground) dan tiada satu gerakan besar-besaran yang berbentuk terbuka. Hal ini demikian kerana, masih belum mendapat banyak sokongan dari segi ketenteraan, latihan dan senjata (Ahmad Syakir, 2021:53). Bahagian Pertama dan Bahagian Ketiga menjadi kawasan tumpuan utama pergerakan komunis di Sarawak. Kedua-dua bahagian ini bersempadan dengan Kalimantan, dan dikelilingi hutan tebal bagi memudahkan komunis untuk bersembunyi dan lari dari pasukan keselamatan. Tambahan lagi, kawasan tersebut mempunyai jumlah orang Cina yang ramai bukan sahaja bandar tetapi juga di kawasan pedalaman. Penduduk itu berpotensi untuk dipengaruhi dan dijadikan penyokong serta pembekal keperluan harian komunis sama ada melalui tekanan atau pujukan (Ho Hui Ling, 2014:75).

Menelusuri masa, pergerakan komunis dilihat lebih giat dan tersusun semasa Perang Dunia Ke-2 pada tahun 1941. Semasa pendudukan Jepun di Sarawak pada 1941, orang Cina dijadikan sasaran kekejaman pihak Jepun. Hal ini demikian kerana, orang-orang Cina tersebut menyokong negara China dalam Perang China-Jepun. Oleh itu, Jepun telah melaksanakan operasi pembersihan atau Sook Ching terhadap orang-orang Cina seperti mana yang dilakukan di Tanah Melayu (Ho Hui Ling, 2012:8). Ia bertujuan bagi mengekalkan keamanan kerana bimbang orang-orang Cina akan bangkit mengangkat senjata menentang mereka (Yoji Akashi, 1970:67-68). Implikasi tindakan Jepun tersebut telah menyebabkan peningkatan semangat nasionalisme, dalam usaha ke arah penyatuan orang Cina kelihatan dengan menyokong dan serta gerakan komunis. Selain itu, sebahagian besar gerakan komunis pada ketika itu dihadiri oleh golongan petani-petani miskin yang terpedaya dengan idea perjuangan komunis iaitu masyarakat sosialis dan tanpa kelas. Majoriti daripada mereka ialah petani-petani Hakka yang tinggal di kawasan Batu Kawa di luar bandar Kuching (Chin Ung-Ho, 1996:40). Mereka mempercayai bahawa menerusi perjuangan gerakan komunis ini mampu mengubah nasib dan membaiki kehidupan mereka (Ho Hui Ling, 2014:76).

Pada tahun 1941, komunis telah mula mencorakkan langkah mereka dengan menubuhkan beberapa pertubuhan gerakan. Pada tahun tersebut, satu gerakan telah ditubuhkan iaitu Liga Anti-Fasis (Sarawak Anti-Fascist Leaked) atau dikenali dengan nama singkatan SAFL. Penubuhan SAFL mempunyai misi dan matlamat yang sama seperti mana penubuhan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) di Tanah Melayu yakni untuk menentang penjajahan Jepun di Sarawak. Ia didorong oleh penindasan yang dihadapi orang-orang Cina oleh tentera Jepun (Reduan, 1993:74). Walau bagaimanapun, SAFL masih dianggap pertubuhan kecil kerana tidak begitu aktif dan jarang diketahui oleh umum. Oleh hal yang demikian, SAFL telah ditukar nama kepada Liga Pembebasan Bangsa (Race Liberation League) juga dikenali sebagai RLL pada tahun 1942. Matlamat masih kekal berpegang kepada misi utama untuk digunakan sebagai alat untuk mengembangkan lagi pengaruh komunis di Sarawak pada zaman penjajahan Jepun di Sarawak (Reduan, 1993:74). Kemudian, diantara tahun 1951 hingga 1956, gerakan komunis semakin rancak menerusi Liga Belia Cina Seberang Laut Demokratik Sarawak atau Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League (SOCDYL) dan RLL. Namun begitu, ia berjaya disekat oleh pihak kerajaan oleh pasukan keselamatan.

Pada tahun 1956, Sarawak Advanced Youth Association (SAYA), telah meneruskan perjuangan memperluaskan pengaruh komunis dengan lebih aktif. Pertubuhan SAYA dianggap oleh kerajaan Sarawak sebagai Pertubuhan Sulit Komunis (Clandestine Communist Organisation/CCO) atau Sarawak Communist Organisation (SCO) (Ho Hui Ling, 2014:78). Matlamat dan perjuangan utama CCO sama seperti Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu yakni membebaskan Sarawak daripada cengkaman penjajah mahu pun Jepun dan British, untuk membentuk sebuah negara komunis (Ho Hui Ling, 2014:78). Berbanding dengan pertubuhan komunis lain sebelum ini, CCO dilihat lebih tersusun dengan disiplin yang ketat. Pelbagai pelan strategi, usaha serta cara yang diguna pakai dalam menyebarkan propaganda ideologi mereka di seluruh Sarawak. Sebagai contoh, menerusi pertubuhan petani, Kesatuan Sekerja, akhbar Cina,

sekolah, komuniti Cina luar bandar dan parti politik untuk memperbesarkan barisan perjuangan mereka (C.0.947132). Pendidikan adalah merupakan salah satu tumpuan utama dijadikan sebagai alat propaganda gerakan komunis Sarawak.

### **Definisi Propaganda**

Propaganda merujuk kepada penyebaran maklumat, idea, atau pendapat dengan niat untuk mempengaruhi kepercayaan, fikiran, emosi sikap, dan tindakan khalayak sasaran. Matlamat propaganda selalunya adalah untuk mempromosikan agenda politik, sosial atau ideologi tertentu dan untuk memanipulasi fikiran umum supaya memihak kepada objektif propagandis. Menurut kamus dewan bahasa dan pustaka, propaganda ialah satu penerangan atau penyiaran ideologi atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi serta mendapat sokongan daripada orang ramai (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Selain itu, propaganda juga merujuk kepada komunikasi yang dilaksanakan secara sistematik, terancang dan berulang-ulang untuk mempengaruhi seseorang atau kumpulan masyarakat atau bangsa agar melaksanakan suatu perkara tertentu dengan kesedaran sendiri dan tanpa merasa terpaksa atau dipaksa.

Di dalam konteks kajian ini, selain menggunakan keganasan bersenjata, propaganda turut menjadi aspek gerakan alternatif utama dalam penyebaran ideologi komunis di Sarawak. Menerusi The Sarawak Gazette ada menyatakan:

*"Communism does not use violence as its sole weapon, nor indeed, is it perhaps its most important or dangerous weapon. Violence is usually, as may be seen from the course of communist activities in other countries, the culmination of another process, a process of cunning underground propaganda and information, a process intended to weaken the resolution of the people to preserve its liberties and*

*its own way of life” (The Sarawak Gazette, 1952:276).*

Di Sarawak komunis bertindak menyebarkan propaganda untuk mempengaruhi penduduk dengan menjanjikan kebebasan daripada cengkaman penjajah dan berhasrat untuk mengubah nasib hidup golongan bawahan yang merangkumi daripada golongan buruh, petani, penduduk luar bandar dan lain-lain. Dalam menjayakan usaha tersebut, pelan strategi utama komunis ialah menggunakan sistem pendidikan di Sarawak sebagai alat penyebaran propaganda ideologi komunis mereka. Propaganda dalam pendidikan merujuk kepada penggunaan teknik komunikasi persuasif dengan tujuan untuk mempengaruhi pemikiran pelajar agar sejajar dengan agenda ideologi, politik atau sosial tertentu. Ini boleh berlaku di pelbagai peringkat dalam sistem pendidikan, dari sekolah rendah hingga universiti untuk membentuk minda pelajar muda.

## **Kegiatan Propaganda Komunis dalam Pendidikan di Sarawak**

Kegiatan propaganda komunis banyak tertumpu kepada sekolah Cina berbanding sekolah-sekolah Melayu, Dayak, Iban dan peribumi lain. Terdapat wujudnya hasrat dan usaha bagi mempengaruhi masyarakat tempatan selain orang-orang Cina. Namun demikian, fahaman komunis telah ditolak dan tidak disambut dengan baik kerana ia dianggap bercanggah dengan norma, adat dan agama masyarakat tempatan (Syakir & Hamid, 2021:53). Misalnya, bagi orang Melayu ideologi komunis kurang diterima kerana ia jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam. Maka dengan itu sasaran utama lebih tertumpu kepada sekolah-sekolah Cina sahaja kerana mempunyai persamaan dari segi budaya dan sosial mereka.

Perkembangan awal pendidikan dalam kalangan orang Cina di Sarawak telah digerakkan oleh pihak pegawai Brooke melalui pembinaan sekolah vernakular Cina di Paku pada tahun 1870 dan Bau pada tahun 1892 (Utusan Sarawak, 2022).

Tambahan lagi, orang Cina amat mementingkan pendidikan untuk anak-anak mereka sendiri dan sekolah banyak didirikan dengan sumber kewangan mereka sendiri sama ada orang perseorangan atau persatuan Cina. Oleh sebab itu, perkembangan jumlah yang pesat penubuhan sekolah vernakular berbanding sekolah jenis lain. Pada tahun 1938, terdapat sebanyak 144 buah sekolah Cina dan jumlah ini merangkumi 66 peratus daripada keseluruhan sekolah yang ada di Sarawak ketika itu (Utusan Sarawak, 2022). Sistem pendidikan Cina yang bersifat kenegaraan China ini dibiarkan berkembang oleh penjajah di Sarawak. Ini dapat dilihat melalui penggunaan sukan pelajaran yang sama diajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang mengambil sukan pembelajaran, buku teks dan tenaga pengajar dari Tanah Besar China (Emyrul, 2019:35). Secara tidak langsung telah membuka ruang yang baik untuk komunis mengadaptasi elemen-elemen komunis di dalam pendidikan dan memudahkan untuk mereka mengembangkan pengaruhnya di kalangan belia Cina khususnya di kalangan pelajar. Tambahan lagi sekolah menjadi sasaran yang mudah untuk kegiatan subversif kerana diumpamakan sebagai “tanah yang subur” dan pelajar dianggap sebagai “perintis dan jambatan” dalam meneruskan perjuangan komunis pada masa hadapan (Utusan Sarawak, 1960).

Fahaman ideologi komunis mula menyusup masuk ke sekolah-sekolah Cina semasa Perang Dunia Kedua meletus. Pada ketika itu, sekumpulan orang Cina yang berpendidikan dari China telah masuk ke Sarawak. Wu Tshan salah seorang orang Cina daripada kumpulan tersebut pernah menjadi guru mengajar sebuah sekolah Cina pada awal tahun 1941. Selain dari mengajar, pada masa yang sama Wu Tshan telah menyebarkan pengaruh komunis dalam kalangan pelajar Cina di Sarawak (Ho Hui Ling, 2014:76). Walau bagaimanapun, penyebaran pengaruh komunis di sekolah Cina tidak dapat dilaksanakan dengan rancak dan tersembunyi disebabkan oleh penjajahan Jepun ketika itu. Orang-orang Cina menghadapi tekanan sosial semasa penjajahan Jepun di Sarawak. Segala pergerakan mereka diawasi dan dikawal oleh tentera Jepun. Pembentukan persatuan Kakyo Kyokai (Persatuan

Orang Cina Seberang Laut) oleh pihak Jepun bertujuan untuk mengawal aktiviti orang Cina dan memastikan mereka tidak dapat bergerak khususnya penyebaran pengaruh komunis untuk menentang pihak Jepun. Selain itu, semua penduduk termasuk orang-orang Cina dikerah untuk menyertai kelas bahasa Jepun serta menghadiri sesi pemulihan dan sivik yang diaturkan oleh pihak pentadbiran Jepun. Tambahan lagi, pembelajaran sekolah-sekolah Cina telah diubah dan digunakan sebagai pusat propaganda Jepun kepada penduduk (Syed Idrus & Santhiram, 1990:116).

### **Bahan-bahan Buku Bacaan dan Penerbitan Berunsur Komunis**

Selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, gerakan memperluaskan pengaruh komunis di sekolah-sekolah Cina mula giat dilaksanakan. Seawal tahun 1950-an, bahan-bahan bacaan yang berunsurkan komunis telah mula dibawa masuk ke Sarawak dari China secara senyap bagi mengembangkan fahaman ini kepada masyarakat (Sarawak Repository Record, 1957-1958). Kemudian, di antara tahun 1949 dan 1950, sebuah kumpulan doktrin komunis yakni Hsueh Hsih (communist indoctrination) ditubuhkan di Kuching untuk mempengaruhi orang Cina seperti pelajar dan golongan belia. Daripada kumpulan tersebut, lahir pula Student Self-Governing Societies yang merupakan tarikan awal dalam kalangan pelajar Cina di Sarawak. Mereka bergerak aktif khususnya di Sekolah Chuang Hua di Kuching (Ho Hui Ling, 2014:76). Ini menjadikan Sekolah Chuang Hua di Kuching adalah merupakan sekolah terawal yang dipengaruhi oleh fahaman komunis pada tahun 1951. Tambahan lagi, bukti jumpaan penerbitan akhbar dan buku-buku yang mempunyai unsur pengaruh komunis serta dokumen komunis yang disimpan oleh orang Cina (Ho Hui Ling, 2012:14). Persatuan Pelajar Sekolah Chuang Hua Kuching turut didakwa telah dipengaruhi oleh fahaman komunis. Hal ini telah menimbulkan kekacauan dan hilang kawalan apabila pelajar mengadakan demonstrasi mendesak pihak pengurusan sekolah supaya mempertimbangkan keputusan

peperiksaan Bahasa Inggeris yang sebahagian besar daripada mereka gagal (Ho Hui Ling, 2012:14). Pada akhirnya, beberapa orang pelajar serta guru telah ditahan serta dibuang sekolah dan sekolah tersebut diarahkan tutup pada Ogos 1954 (The Sarawak Gazette, 1952:276). Menerusi sekolah itu juga telah lahirnya pemimpin utama yang mana kemudiannya memainkan penglibatan penting dalam penubuhan parti komunis di Sarawak iaitu Bong Kee Chok dan Wen Ming Chyuan (Michael, 2000).

Selain itu, penyebaran fahaman komunis oleh Clandestine Communist Organisation (CCO) dilakukan menerusi medium cetakan atau bahan penerbitan seperti buku-buku, akhbar, majalah, dan risalah. Misalnya buku-buku bergambar dan buku cerita kanak-kanak, buku klasik dan buku-buku asas sekolah berjaya diselitkan fahaman komunis di dalamnya. Sebagai contoh, risalah bertajuk “National Independence”, Berita Pekerja dan Petani, Berita Massa dan lain-lain. Hampir keseluruhan penerbitan komunis itu telah ditulis dalam bahasa Cina kerana ia ditujukan khas kepada orang-orang Cina. Pihak kerajaan juga berjaya menjumpai dan merampas buku-buku lagu yang mengandungi simbol-simbol komunis seperti simbol lima bintang dan peta China.

Kemudian, sekitar tahun 1960-an, perkembangan pengaruh komunis semakin rancak ke Bahagian Ketiga yang merangkumi kawasan Sibu, Sarikei, Binatang. Menjelang tahun 1971, gerakan Hsueh Hsih (communist indoctrination) turut diperluaskan ke Bahagian Ketiga bertujuan untuk menambah pengetahuan ideologi dalam kawasan kampus universiti dan di sekolah melalui pengkajian serta perbincangan bahan-bahan subversif. Gerakan Hsueh Hsih bertindak menampal poster di sekolah-sekolah, menyebarkan risalah yang mengandungi propaganda komunis dan melukis slogan komunis pada kain rentang. Sebagai contoh, pada tahun 1975 telah dilaporkan terdapatnya risalah yang tertulis 16 slogan komunis telah ditampal pada dinding Sekolah Kwong Hua di Sungai Sadit (Sibu) dan Sekolah Menengah Tang Chiang di Binatang (Bintangor). Selain

itu, di Sekolah Tinggi Sarekei pada 20 Ogos 1975, terdapat sepucuk surat yang ditemui mengandungi revolusi komunis (Fail Cawangan Khas Kontinjen Sabah dan Sarawak, n.d.).

Justeru, boleh dibuktikan bahawa pihak komunis amat memberikan perhatian penuh dalam menggunakan pendidikan sebagai "alat" untuk mengembangkan kerja-kerja subversif di Sarawak menerusi kebanjiran kepelbagaiannya bahan-bahan cetakan buku-buku, risalah, poster dan sebagainya. Tambahan lagi, penyebaran ideologi kepada golongan pelajar dilihat lebih berkesan apabila ramai pelajar telah menyertai gerakan komunis.

### **Penganjuran Aktiviti Pelajar Di Dalam Dan Luar Sekolah**

Pihak kerajaan sentiasa mengawasi pergerakan komunis dengan rapat bagi mengelakkan penyebaran ideologi komunis semakin meluas khususnya mempengaruhi minda pelajar dan kanak-kanak. Namun demikian, tindakan subversif komunis ada kalanya berjaya melepas pengawasan pihak kerajaan. Sebagai contoh, menerusi penglibatan pihak komunis dalam penganjuran aktiviti untuk kalangan pelajar seperti aktiviti rekreasi, riadah, perkelahan, nyanyian lagu serta muzik, permainan dan lain-lain. Begitu juga dengan mengadakan kelas tuisyen bagi menarik penglibatan ramai pelajar sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut secara tersurat dilihat sebagai sesuatu perkara yang tidak salah dan kelihatan polos di mata umum. Tetapi, ia merupakan taktik komunis untuk mengaburi pengetahuan umum. Secara tersiratnya ia bertujuan bagi pihak komunis untuk mengawal pemikiran golongan pelajar supaya cenderung ke arah pemikiran komunis. Secara tidak langsung ia mampu memberikan kelebihan bagi mereka untuk merekrut pelajar-pelajar Cina yang telah terpengaruh bagi menjalankan kegiatan komunis (Goodwin, n.d:2). Lazimnya, para pelajar yang direkrut terdiri daripada pelajar yang kurang berkemampuan atau miskin, tingkah laku yang baik dan berani.

Seterusnya, penyebaran ideologi komunis juga diperluaskan dalam kalangan pelajar menerusi lagu-lagu nyanyian di peringkat sekolah yang diterapkan oleh pihak komunis. Di antara lagu-lagu tersebut bertajuk “Fatherland March” yang seringkali dinyanyikan di dalam keraian di sekolah rendah. Di dalam lagu ini mengandungi ayat-ayat seperti berikut:

How broad is the land of our Fatherland.  
We have never seen any other country  
Where one can breathe so freely,  
From Peking to the remote frontier  
We can travel freely without any restriction.  
We are masters of our Fatherland  
As free as the onrushing Yangtze  
Where a bright future awaits all youth...  
Nowhere in the world  
Do the people enjoy more happiness and freedom than we.  
If the enemies venture to invade our land  
We shall chase them away  
And eliminate them to the last man.  
(The Borneo Bulltein, 1959)

Lagu ini bertujuan untuk menyemai semangat nasionalisme dan kesetiaan terhadap negara China dalam kalangan pelajar dan guru-guru sekolah. Perkataan “Fatherland” di dalam rangkap lagu ini merujuk kepada Tanah Besar China. Lagu ini turut memperlihatkan penentangan serta menolak tindakan “penjajahan” yang merujuk kepada apa yang dilakukan oleh pihak Jepun dan British menjajah Sarawak ketika itu. Ini jelas dapat dilihat pada baris lagu yang bermula dengan “If the enemies venture to invade our land, we shall chase them away, and eliminate them to the last man.” Ini bertepatan dengan matlamat utama komunis (CCO) dalam usaha membebaskan Sarawak daripada cengkaman jajahan Jepun mahupun British untuk membina sebuah negara komunis.

Selain itu, terdapat lagu-lagu lain yang dilihat bersifat lebih agresif dan ekstremis di mana ia merangsang kekejaman dan penumpahan di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Lagu-lagu ini

sebenarnya bertujuan untuk meningkat semangat perjuangan tentera komunis China tetapi di Sarawak ia telah diajar kepada pelajar-pelajar sekolah. Menurut Ho Hui Ling (1999:190) berpendapat, kemungkinan ia adalah rancangan daripada CCO untuk melahirkan penyokong yang kejam dan ganas dari usia yang muda agar mereka dapat menggunakan kekerasan tersebut dalam mencapai cita-cita CCO di Sarawak. Di antara contoh-contoh lagu yang mengandungi unsur-unsur kekejaman dan berdarah untuk membangkitkan semangat pelajar adalah seperti berikut:

### **Contoh 1**

Although we are tired in bloody battle,  
The flame inside our breast burns the more fiercely,  
We raise our bayonets and guns,  
In response to leader's call,  
To fight valiantly for our Fatherland  
(The Borneo Bulltein, 1959).

### **Contoh 2**

Sharpen the bayonets, sharpen the bayonets...  
At night for sentry duty,  
If anyone dares to attack us,  
You shall pierce his dog's heart and bowels  
(The Borneo Bulltein, 1959).

Terdapat juga lagu-lagu yang cuba menyampaikan mesej bahawa orang-orang Cina di Sarawak hidup dalam penindasan dan penekanan. Lagu-lagu ini menjadi seruan untuk orang Cina bangkit melawan menggunakan kekerasan sehingga membunuh menentang penjajah di Sarawak. Lagu-lagu ini telah digunakan di dalam diserap di dalam pendidikan sekolah kepada pelajar dan kanak-kanak. Dengan harapan bahawa mereka menyertai dan bergantung kepada revolusi kejam untuk mencapai kebebasan di Sarawak. Hakikatnya, jika diteliti setiap lagu ini, tumpuan utama kesetiaan harus ditunjukkan kepada Tanah Besar Negara China dan bukan Sarawak. Berikut adalah merupakan contoh rangkap baris lagu tersebut:

### **Contoh 1**

I love my Sarawak  
Sarawak is my home  
I was not free in Japanese days  
But life is harder and sadder now . . .  
Fellow countrymen, arise!  
Wait no more  
(The Borneo Bulltein, 1959).

### **Contoh 2**

The people's suffering is as deep as the sea...  
They long for liberation day and night...  
The Chinese Communist Party is like the Red Sun,  
By its strength it liberates others  
(The Borneo Bulltein, 1959).

## **Penentangan Sistem Pendidikan Kerajaan**

Melihat kepada kerancakan penyebaran ideologi komunis di Sarawak selepas Perang Dunia Kedua khususnya di sekolah-sekolah, sudah pasti membimbangkan pihak kerajaan British. Maka dengan itu, langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengekang gerakan komunis tersebut ialah dengan menghapuskan sistem pendidikan yang bersifat kenegaraan China dan menerapkan sistem pendidikan British. Kerajaan mengambil langkah untuk menyamakan kurikulum dan memansuhkan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, tindakan ini mendapat tentangan dan kritikan hebat dari pihak CCO terhadap polisi kerajaan dalam usaha mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak pada tahun 1960 (Kertas Cetak Kerajaan, 1973:3). Komunis beranggapan tindakan kerajaan adalah usaha untuk menghapuskan bahasa ibunda dan budaya orang Cina. Secara tidak langsung ia juga sudah pasti akan menjadi penghalang bagi

mereka untuk menjayakan pembentukan negara komunis di Sarawak.

Satu dokumen yang telah dirampas bertajuk "National Language and National Education" menjadi bukti pendirian kuat CCO mempertahankan pendidikan bercorak perkauman di Sarawak (North Borneo News and Sabah Times, 1962). Sehingga lewat Ogos 1963, dalam ulasan kerajaan berkenaan pelajaran telah membuktikan bahawa "in some Chinese school managers and teachers have been abusing their positions to further secret communist plans." (Ho Hui Ling, 1999:193). Pihak komunis (CCO) amat tidak berkompromi dengan kerajaan British dan ini telah memberi kesempatan kepada komunis untuk mengeksplorasi bidang pendidikan di Sarawak.

## **Kesimpulan**

Pihak komunis amat komited dan bersungguh-sungguh dalam usaha menyebarkan fahaman komunis di seluruh Sarawak. Dalam mencapai cita-cita serta matlamat mereka untuk membentuk sebuah negara komunis di Sarawak, pelbagai usaha dilakukan bagi menarik minat lapisan penduduk Sarawak untuk menyertai perjuangan komunis. Pendidikan telah menjadi sasaran utama dijadikan sebagai alat propaganda penyebaran ideologi komunis. Strategi tersebut adalah merupakan satu taktik yang berkesan mempengaruhi serta membentuk pemikiran pelajar pada usia yang muda agar sejajar dengan agenda ideologi, politik atau sosial tertentu.

Walaupun di peringkat awal, penyebaran fahaman komunis dalam pendidikan sekolah di Sarawak menerima kekangan daripada penjajahan Jepun, namun, selepas Perang Dunia Kedua ia dilihat semakin rancak dan giat dilaksanakan di sekolah-sekolah khasnya sekolah Cina. Persamaan serta hubungan pertalian yang rapat dari aspek budaya, sosial dan politik memudahkan lagi pihak komunis untuk menyemai fahaman komunis dalam kalangan pelajar-pelajar China. Pelbagai usaha yang dilakukan komunis

seperti penghasilan buku-buku bacaan dan penerbitan yang berunsur komunis, penganjuran aktiviti luar serta dalam dan penentangan terhadap polisi pendidikan kerajaan menjadi bukti pihak komunis mengeksplotasi bidang pendidikan di Sarawak.

## **Senarai Rujukan**

### **Arkib dan Dokumen Kerajaan**

- C.0.947132. Paper for the Information of the Malaysia Commission, 1960-1962.
- Fail Cawangan Khas Kontinjen Sabah dan Sarawak RASCOM./No.Siri: 0.08997/37.
- Goodwin, F.W. (n.d). Sarawak Council Negri. Subversion in Sarawak.
- Kertas Cetak Kerajaan. (1973). Counteracting Communist Subversion in Schools. Jabatan Cetak Kerajaan.
- North Borneo News and Sabah Times. 4 Disember 1962.
- Sarawak Repository Record. (1957-1958). Sarawak Diary February. RH/2006/0012.
- The Sarawak Gazette. 31 December 1952.
- Utusan Sarawak. 28 Julai 1960.

### **Buku dan Jurnal**

- Ahmad Syakir & Sahul Hamid. (2021). Propaganda dan Keganasan Komunis di Sarawak, 1963 – 1972. *Jurnal Perspektif*, 12(2).
- Britannica. (2023). *Chinese Communist Party*. <https://www.britannica.com/topic/Chinese-Communist-Party>. Akses pada 23 Julai 2023.
- Bukhory Ismail, Amelia Aziz, & Zulkipli Abu Bakar. (2000). *Kamus Komunikasi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Chin Ung-Ho. (1996). *Chineses Politics in Sarawak, A Study of the Sarawak United Peoples Party*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Emyzul, I. (2019). Kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam menghadapi ancaman Komunis. 1963-1974. *Borneo Research Journal*, 13(1).
- Ho Hui Ling. (1999). Kegiatan Clandestine Communist Organization (CCO) Di Sarawak, 1950-1963: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Sejarah*, 7(7).
- Ho hui Ling. (2012). Orang Cina Dan Penglibatan Dalam Politik di Negeri Sarawak, 1841 -1963. *Jurnal Sejarah*. 20(20).
- Ho Hui Ling. (2012). Strategi Pergerakan Komunis Dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1920-1989. *Sarjana*, 27(2).
- Ho Hui Ling. (2014). Penglibatan Orang Cina Dalam Gerakan Komunis di Sarawak, 1924-1874. *Jurnal Sejarah*, 23(1).
- Kamus Dewan Bahasa & Pustaka. (t.t.). *Definisi Propaganda*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=propaganda>. Akses pada 20 Julai 2023.
- Michael Leigh (ed.). (2000). *Borneo 2000: Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference, Kuching, Sarawak*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Reduan Asli. (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nararossa Peter Ballak. (2016). Ancaman Subversif Komunis di Bahagian Ketiga, Sarawak: 1966 – 1976. *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History*, 1(1).
- Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. (1990). *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Sarawak. (t.t.). Orang Cina Pada Zaman Brooke. <https://www.utusansarawak.com.my/?p=29674>. Akses pada 22 Julai 2023
- Yoji Akashi. (1970). Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945. *Journal of Southeast Asian Studies*, 1(2).